


# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 88

AKTA RAHSIA RASMI, 1972



Beta bersetuju

.....  
*Yang di-Pertuan Agong*

.....September, 1972

UNDANG-UNDANG  
MALAYSIA  
Akta 88

AKTA RAHSIA RASMI, 1972

SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas.
2. Tafsiran.
3. Penalti bagi mengintip.
4. Larangan mengambil atau membuat apa<sup>2</sup> suratan, ukuran, ukoran-  
dalam atau kerja-ukur mengenai atau dalam sa-suatu tempat larangan.
5. Penalti kerana membuat atau menolong membuat akuan atau  
pernyataan palsu bagi mendapatkan permit.
6. Kuasa khas bagi mahkamah untuk mengarah pencarian dan  
pengambilan.
7. Larangan dari membawa perkakas gambar foto.
8. Menyampaikan, dsb. maklumat dengan salah.
9. Menggunakan uniform tanpa kuasa, memalsukan laporan.  
pemalsuan, penyamar dirian dan suratan<sup>2</sup> palsu.
10. Mengganggu pegawai polis atau anggota angkatan tentera.
11. Kewajipan memberi maklumat.
12. Kuasa bagi mengehendaki utusan di-kemukakan. 13. Melindung.
14. Percubaan, pengapitan. dsb.
15. Sekatan atas pendakwaan.
16. Beban bagi membuktikan dan anggapan.
17. Perhubungan dengan ejen asing hendak-lah menjadi keterangan  
mengenal berlaku-nya kesalahan tertentu.
18. Kuasa menangkap.
19. Kuasa<sup>2</sup> bagi mengeledah dan mengambil.
20. Kuasa<sup>2</sup> khas mengenai penyiasatan.
21. Menerima pernyataan<sup>2</sup> sa-bagai keterangan.

{Susunan Seksyen-seksyen}

4

AKTA 88

Seksyen

22. Keterangan rakan sa-jenayah.
23. Pemeriksaan pesalah<sup>2</sup>.
24. Perlindungan bagi pemberi maklumat.
25. Tanggungan bagi kesalahan luar Malaysia.
26. Pembicaraan kesalahan<sup>2</sup>.
27. Orang ramai tidak di-benarkan hadir dalam masa pembicaraan.
28. Tanggungan dari segi jenayah mengenai perbadanan atau firma
29. Menteri boleh memberi kuasa polis kepada orang yang sesuai.
30. Kuasa<sup>2</sup> di-bawah Kanun Acara Jenayah tidak di-sekat.
31. Pemansuhan.

UNDANG-UNDANG  
MALAYSIA

Akta 88

**AKTA RAHSIA RASMI, 1972**

Suatu Akta bagi meminda dan menyatukan undang2 berhubung dengan perlindungan rahsia rasmi.

MAKA INI-LAH DIPERBUAT UNDANG2 oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang I dipertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, seperti berikut:

1. Akta ini boleh-lah dinamakan Akta Rahsia Rasmi, 1972.
2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki makna yang lain

"angkatan tentera" termasuklah

- (a) sa-suatu angkatan tentera tetap atau sukarela bagi Malaysia sama ada dalam Malaysia atau luar Malaysia;
- (b) sa-suatu angkatan tentera tetap atau sukarela bagi sa-suatu negeri asing atau sa-suatu wilayah luar Malaysia yang di-tugaskan pada atau menjalankan gerakan bersama dengan mana<sup>2</sup> angkatan tentera Malaysia sama ada dalam Malaysia atau luar Malaysia;
- (c) sa-suatu angkatan tentera pelawat dalam erti mana<sup>2</sup> undang2 yang pada masa itu mengawal angkatan tentera pelawat yang ada di-Malaysia secara sah di-sisi undang2;

**Tajuk  
ringkas.**

**Tafsiran.**

"benda" termasuklah apa2 jua, barang atau bahan;

"jawatan dalam perkhidmatan awam" termasuklah sa-suatu jawatan atau pekerjaan dalam atau di-bawah sesuatu perkhidmatan awam;

UNDANG-UNDANG  
MALAYSIA

Akta 88

**AKTA RAHSIA RASMI, 1972**

Suatu Akta bagi meminda dan menyatukan undang2 ber-  
hubonQ dengan perlindungan rahsia rasmi.

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG2 oleh Duli  
Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang I  
di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan  
Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam  
Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut:

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Rahsia Rasmi, 1972.
2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayat-nya  
menghendaki makna yang lain

"angkatan tentera" termasuk-lah

- (a) sa-suatu angkatan tentera tetap atau sukarela bagi  
Malaysia sama ada dalam Malaysia atau luar  
Malaysia;
- (b) sa-suatu angkatan tentera tetap atau sukarela bagi sa-  
suatu negeri asing atau sa-suatu wilayah luar Malaysia  
yang di-tugaskan pada atau menjalankan gerakan  
bersama dengan mana<sup>2</sup> angkatan tentera Malaysia  
sama ada dalam Malaysia atau luar Malaysia;
- (c) sa-suatu angkatan tentera pelawat dalam erti mana<sup>2</sup>  
undang2 yang pada masa itu mengawal angkatan tentera  
pelawat yang ada di-Malaysia sa-chara sah di-sisi  
undang2;

**Tajok  
ringkas.**

**Tafsiran.**

"benda" termasuk-lah apa2 jua, barang atau bahan;

"jawatan dalam perkhidmatan awam" termasuk-lah sa-  
suatu jawatan atau pekerjaan dalam atau di-bawah sesuatu  
perkhidmatan awam;

- (c) sa-suatu pihak-berkuasa berkanun yang menjalankan kuasa<sup>2</sup> yang terletak pada-nya menurut undang<sup>2</sup> persekutuan atau Negeri;
- (d) mana<sup>2</sup> jua orang, tribunal, badan, institusi atau pihak-berkuasa yang diistiharkan oleh Menteri dengan perintah yang di-siarkan dalam *Warga* sa-bagai suatu perkhidmatan awam bagi maksud takrif ini; dan
- (e) jika sa-kira-nya berlaku peperangan, sa-suatu jabatan kerajaan bagi sa-suatu negeri sahabat Malaysia;

'rasmi" ada-lah berhubung dengan perkhidmatan awam;

'tempat larangan" erti-nya

- (a) sa-suatu kerja pertahanan, gudang senjata, tempat tentera laut, tempat tentera darat atau tempat tentera udara, berek, kem atau stesen, kilang, lambungan, padang kapal terbang, lombong, kawasan lombong, kapal atau kapal udara yang di-punyai atau diduduki oleh atau bagi pihak Kerajaan atau sa-suatu stesen atau pejabat telegraf, telefon, wayarles atau semboyan yang di-punyai atau diduduki sa-demikian, dan sa-suatu tempat yang di-punyai atau diduduki oleh atau bagi pihak Kerajaan dan di-gunakan bagi maksud mendirikan, membaiki, membuat, membuktikan, menguji atau menyimpan apa<sup>2</sup> kelengkapan perang, atau apa<sup>2</sup> gambar foto, lukisan, pelan, model atau surat berhubung dengannya, atau bagi maksud mendapatkan atau menyimpan apa<sup>2</sup> logam, minyak, spirit pengangkutan kejenteraan atau spirit penerbangan atau galian yang berguna dalam masa perang;
- (b) sa-suatu tempat yang tidak di-punyai oleh Kerajaan di-mana kelengkapan perang, minyak, spirit pengangkutan kejenteraan, spirit penerbangan, bahan api atau bekalan, atau apa<sup>2</sup> surat berhubung dengannya, sedang di-buat, di-perbaiki, di-dapatkan atau di-simpan menurut kontrak dengan Kerajaan atau dengan seseorang bagi pihak Kerajaan, atau menurut apa<sup>2</sup> cara lain bagi pihak Kerajaan;
- (c) sa-suatu kem, berek atau tempat di-mana di-tahan orang tawanan perang, anggota angkatan tentera, orang gasing tawanan atau orang tahanan;

- (d) sa-suatu tempat yang pada masa itu diistiharkan oleh Menteri dengan perintah yang di-siarkan dalam *Warta* sa-bagai tempat larangan bagi maksud Akta ini;
- "suratan" termasuklah, sa-lain daripada sa-suatu suratan bertulis dan sebahagian daripada sa-suatu suratan (a) sa-suatu peta, pelan, model, graf atau lukisan; (b) sa-suatu gambar foto;
- (c) sa-suatu piring hitam, pita rakam, runut bunyi atau lain2 alat yang mengandungi suara atau lain2 data (bukan imej yang boleh di-lihat) supaya boleh (dengan atau tanpa bantuan sa-suatu alat kelengkapan lain) dicelarukan dari-nya; dan
- (d) sa-suatu filem, negatif, pita rakam atau lain alat yang mengandungi satu imej atau lebih yang boleh di-lihat supaya boleh (seperti tersebut di-atas) dikeluarkan dari-nya.
- (2) Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki makna yang lain, perbahasan2 berkenaan dengan
- (a) menyampaikan, menerima, mendapatkan, menyimpan, mengumpul, merakamkan atau menyiarkan termasuklah apa2 jua perbuatan menyampaikan, menerima, mendapatkan, menyimpan, mengumpul, merakam atau menyiarkan sama ada kesemua-nya atau sa-bahagian-nya dan sama ada benda, suratan atau maklumat itu sendiri atau isi, natijah atau perihalnya sahaja di-sampaikan, di-terima, didapatkan, di-simpan, di-kumpul, di-rakam atau di-siarkan;
- (b) mendapatkan atau menyimpan sa-suatu benda atau suratan termasuklah menyalin atau menyebabkan di-salin kesemua atau sa-suatu bahagian daripada sasatu benda atau suratan itu; dan
- (c) penyampaian sa-suatu benda atau suratan termasuklah pemindahan atau penghantaran atau peniara mengenai kesemua atau mana2 bahagian daripada sa-suatu benda atau suratan.
- (3) Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki makna yang lain, apa2 sebutan mengenai sasatu tempat kepunyaan Kerajaan termasuklah sa-suatu tempat yang di-punyai atau diduduki oleh mana2 jabatan Kerajaan, sama ada tempat itu sa-benar-nya atau tidak sabenar-nya terletak pada Kerajaan.

## RAHSIA RASMI

3. Jika, bagi apa<sup>2</sup> maksud yang mudarat kepada keselamatan atau kepentingan Malaysia, seseorang (a) menghampiri, memeriksa, melalui atau berada disekitar atau memasuki sa-suatu tempat larangan; (b) membuat sa-suatu suratn yang di-kira menjadi atau yang mungkin atau yang di-maksudkan menjadi berguna secara langsung atau secara tak langsung kepada sa-suatu negeri asing; (c) mendapatkan, mengumpul, merakam, menyiar atau menyampaikan kepada seseorang lain sa-suatu perkataan kod, isyarat atau kata jodoh rasmi yang rahsia, atau apa<sup>2</sup> benda, suratn atau maklumat yang di-kira menjadi atau yang mungkin atau yang di-maksudkan menjadi berguna secara langsung atau secara tak langsung kepada sasuatn negeri asing.

Penalti bagi mengintip.

maka orang itu ada-lah melakukan suatu kesalahan yang boleh di-hukum dengan penjara sa-lama tempoh tidak lebih daripada empat belas tahun atau denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua<sup>2</sup>nya.

4. (1) Jika seseorang mengambil atau membuat apa<sup>2</sup> suratn, ukiran, ukurannya atau kerja-ukur mengenal atau dalam sa-suatu tempat larangan maka is ada-lah melakukan suatu kesalahan yang boleh di-hukum dengan penjara sa-lama tempoh tidak lebih daripada empat belas tahun atau denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua<sup>2</sup>-nya, melainkan jika is membuktikan bahawa sa-suatu yang di-ambil atau di-buat sa-demikian tidak mudarat kepada keselamatan atau kepentingan Malaysia dan tidak di-maksudkan menjadi berguna secara langsung atau secara tak langsung kepada sa-suatu negeri asing.
- (2) (a) Tidak-lah menjadi suatu kesalahan di-bawah seksyen 4 (1) mengambil atau membuat, di-luar sa-suatu tempat larangan, sa-suatu gambar foto atau lukisan mengandungi tempat itu atau sebahagian daripadanya, melainkan jika di-buktikan bahawa gambar foto atau lukisan itu di-maksudkan menjadi mudarat kepada keselamatan atau kepentingan Malaysia atau menjadi berguna secara langsung atau secara tak langsung kepada sa-suatu negeri asing.

Larangan mengambil atau membuat apa<sup>2</sup> suratn, ukiran, ukirandalam atau kerja-ukur mengenai atau dalam sa-suatu tempat larangan.



(b) Seksyen-kecil (2) (a) tidak di-pakai bagi pengambilan atau pembuatan sa-suatu gambar foto atau lukisan dari sa-suatu kapal udara.

(3) (a) Tidakkah menjadi suatu kesalahan mengambil atau membuat apa<sup>2</sup> suratan, ukuran, ukuran-dalam atau kerja-ukur jika pengambilan atau pembuatan itu di-lakukan dengan mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak-berkuasa yang Ianya.

(b) Pada memberi kebenaran bertulis itu, pihak-berkuasa yang layak itu boleh mengenakan sa-bagai suatu syarat bahawa apa<sup>2</sup> jua yang di-ambil atau di-buat sa-demikian mesti-lah di-sampaikan dengan segera kepada pihakberkuasa yang layak untuk diperiksa. Pihak-berkuasa yang layak, jika berpuas hati bahawa sebab<sup>2</sup> yang munasabah ada bagi mempercayai bahawa yang di-ambil atau di-buat sa-demikian mengandungi perkara atau maklumat yang mudarat kepada keselamatan atau kepentingan Malaysia dan berguna secara langsung atau secara tak langsung kepada sa-suatu negeri asing, boleh memerintahkan supaya suratan itu di-rampas atau mana<sup>2</sup> bahagian daripada-nya di-hapuskan, di-padamkan atau di-ambil keluar.

Penalti kerana membuat atau menolong membuat akuan atau pernyataan palsu bagi mendapatkan permit.

Kuala kebas bagi mahkamah untuk mengarah pencarian dan pengambilan.

5. Jika seseorang membuat atau menolong membuat sesuatu akuan atau pernyataan yang palsu tentang apa<sup>2</sup> perkara matan bagi maksud hendak mendapatkan kebenaran di-bawah seksyen 4 (3) (a) daripada sa-suatu pihakberkuasa yang layak maka is ada-lah melakukan suatu kesalahan yang boleh di-hukum dengan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit.

6. (1) Jika sa-suatu mahkamah berpuas hati bahawa sebab<sup>2</sup> yang munasabah ada bagi mempercayai bahawa sa-suatu suratan mengandungi perkara atau maklumat yang mudarat kepada keselamatan atau kepentingan Malaysia dan berguna secara langsung atau secara tak langsung kepada sa-suatu kuasa asing atau kepada seseorang musuh, maka mahkamah itu boleh mengeluarkan waran geledah untuk mencari dan mengambil suratan itu walau pun sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini tidak di-katakan sa-bagai telah di-lakukan.

(2) Jika sa-suatu suratan yang di-kehendaki di-ambil menurut suatu waran geledah yang di-keluarkan di-bawah seksyen-kecil (1) ada-lah di-ambil sa-demikian atau ada-lah di-kemukakan dengan sukarela oleh orang yang memilikinya, maka suratan itu hendak-lah di-hantar oleh

mahkamah itu kepada pihak-berkuasa yang layak dan jika pihak-berkuasa yang layak itu berpendapat bahawa suratan itu mengandungi perkara atau maklumat yang mudarat kepada keselamatan atau kepentingan Malaysia dan berguna secara langsung atau secara tak langsung kepada sa-suatu kuasa asing atau kepada seseorang musuh, pihak• berkuasa yang layak itu boleh memerintahkan supaya suratan itu di-rampas atau apa<sup>2</sup> bahagian daripada-nya di. hapuskan, di-padamkan atau di-ambil keluar.

7. (1) Jika seseorang yang berada dalam sa-suatu tempat larangan membawa atau ada dalam miliknya atau dibawah kawalan-nya apa<sup>2</sup> perkakas gambar foto, melainkan dengan kuasa yang sah bagi maksud yang sah, maka is ada. lah melakukan suatu kesalahan yang boleh di-hukum dengan penjara tidak lebih daripada satu tahun atau denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua<sup>2</sup>-nya.

**Larang dan membawa perkakas gambar foto.**

(2) Dalam pendakwaan atas sa-suatu kesalahan di-bawah seksyen-kecil (1) beban bagi membuktikan ada-nya sa-suatu maksud yang sah hendak-lah terletak ka-atas situduh.

(3) Sa-suatu perkakas gambar foto hendak-lah di-anggar sa-bagai di-bawa dengan kuasa yang sah jika is di-bawa berhubung dengan perjalanan kewajipan-nya oleh sa. seorang pegawai polis atau anggota angkatan tentera yang bertugas menjalankan kewajipan pengawal, ronda keselamatan atau lain<sup>2</sup> kewajipan yang sa-umpama-nya.

(4) Apa<sup>2</sup> perkakas gambar foto yang mengenal-nya sasatu kesalahan di-bawah Akta ini telah di-lakukan atau disyaki sa-bagai telah di-lakukan boleh di-ambil oleh saseorang pegawai polis atau oleh pihak-berkuasa yang layak atau oleh seseorang yang diberkas dengan sempurnanya bagi maksud itu oleh pihak-berkuasa yang layak itu dan apa<sup>2</sup> gambar foto, pelita, filem, negatif atau pita rakam atau lain<sup>2</sup> alat dalam atau kepunyaan perkakas itu boleh juga di-ambil dan boleh di-kenakan apa<sup>2</sup> proses penyempurnaan sa-bagaimana yang di-arahkan oleh pegawai poli! atau pihak-berkuasa yang layak itu sama ada pada am-nya atau dalam sa-suatu hal yang tertentu.

**Menyam-  
paikan dsb,  
maklumat  
dengan salah.**

8. (1) Jika seseorang yang ada dalam miliknya atau kawalan-nya sa-suatu perkataan kod, isyaratnya atau kata jodoh rasmi yang rahsia atau sa-suatu benda, suratan atau maklumat yang

- (a) berhubung dengan atau di-gunakan di-sesuatu tempat larangan atau berhubung dengan apa<sup>2</sup> jua di-sesuatu tempat itu; atau
- (b) berhubung dengan kelengkapan perang; atau
- (c) telah di-buat atau di-dapatkan bersalahan dengan Akta ini; atau
- (d) telah di-amanahkan sa-bagai rahsia kepadanya oleh seseorang pegawai awam; atau
- (e) telah di-buat atau di-dapatkan atau di-lihat olehnya, oleh kerana kedudukannya sa-bagai sa-orang yang memegang atau telah memegang jawatan dalam perkhidmatan awam, atau sa-bagai sa-orang yang memegang atau telah memegang suatu kontrek yang di-buat bagi pihak Kerajaan, atau sabagai sa-orang yang bekerja atau telah bekerja dengan atau di-bawah seseorang yang memegang atau telah memegang jawatan atau kontrak itu,

melakukan mana<sup>2</sup> daripada yang berikut

- (i) menyampaikan secara langsung atau secara tak langsung sa-suatu maklumat atau benda tersebut kepada sa-suatu negeri asing yang lain daripada negeri asing yang kepadanya is di-berikuasa dengan sempurna bagi menyampaikan-nya atau kepada seseorang lain yang lain daripada orang yang kepadanya is di-berikuasa dengan sempurna bagi menyampaikan-nya atau yang kepadanya is ada-lah berkewajipan bagi menyampaikan-nya; atau
- (ii) menggunakan sa-suatu maklumat atau benda seperti tersebut di-atas untuk faedah sa-suatu negeri asing yang lain daripada negeri asing yang bagi faedah-nya is di-berikuasa dengan sempurna menggunakan-nya atau dengan apa<sup>2</sup> cara lain yang mudarat kepada keselamatan atau kepentingan Malaysia; atau
- (iii) menyimpan dalam milik atau kawalan-nya mana<sup>2</sup> benda seperti tersebut di-atas manakala is tidak berhak menyimpan-nya, atau manakala berlawanan

dengan kewajipan-nya bagi menyimpan-nya, atau tidak mematuhi segala arahan yang sah yang dikeluarkan oleh pihak-berkuasa yang sah berkenaan dengan pemulangan atau pelupusan benda itu; atau

- (iv) tidak menjaga dengan cara yang berpatutan, atau bertingkah-laku sa-hingga membahayakan keselamatan atau rahsia, sa-suatu maklumat atau benda seperti tersebut di-atas,

maka orang itu ada-lah melakukan suatu kesalahan yang boleh di-hukum dengan penjara tidak lebih daripada tujuh tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua<sup>2</sup>-nya.

(2) Jika seseorang menerima sa-suatu perkataan kod, isyarat atau kata jodoh rasmi yang rahsia, atau apa<sup>2</sup> benda, suratan atau maklumat dengan mengetahui atau ada alasan yang munasabah bagi mempercayai, pada waktu is menerima-nya itu, bahawa perkataan kod, isyarat, kata jodoh, benda, suratan atau maklumat itu ada-lah disampaikan kepadanya bersalahan dengan Akta ini, maka is ada-lah melakukan suatu kesalahan yang boleh di-hukum dengan penjara tidak lebih daripada tujuh tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua<sup>2</sup>-nya melainkan jika is membuktikan bahawa perkataan kod, isyarat, kata jodoh, benda, suratan atau maklumat itu telah di-sampaikan kepadanya dengan tidak di-kehendaki oleh-nya.

9. (1) Jika seseorang dapat masuk atau membantu sa seorang lain supaya dapat masuk ka-suatu tempat larangan melalui sa-suatu yang lain daripada tempat masuk yang di-benarkan atau bagi maksud mendapat masuk, atau bagi membantu seseorang lain supaya dapat masuk, kesesuatu tempat larangan, atau bagi apa<sup>2</sup> maksud lain yang mudarat kepada keselamatan atau kepentingan Malaysia

- (a) menggunakan atau memakai, tanpa kuasa yang sah apa<sup>2</sup> uniform tentera laut, tentera darat, tentera udara, polis atau apa<sup>2</sup> uniform rasmi yang lain atau apa<sup>2</sup> uniform yang hampir<sup>2</sup> sa-rupa dengan-nya hingga mungkin memperdayakan, atau dengan palsu-nya merupakan diri-nya sa-bagai sa-orang yang berhak atau telah hendak menggunakan atau memakai mana<sup>2</sup> uniform itu; atau
- (b) menggunakan apa<sup>2</sup> samaran atau nama palsu, atau dengan di-ketahui-nya menyembunyikan pengenal atau bangsa-nya; atau

Menggunakan uniform tanpa kuasa, mein palsukan laporan. pemalsuan, penyendirian dan suratan<sup>2</sup> palm.

dengan kewajipan-nya bagi menyimpan-nya, atau tidak mematuhi segala arahan yang sah yang dikeluarkan oleh pihak-berkuasa yang sah berkenaan dengan pemulangan atau pelupusan benda itu; atau

- (iv) tidak menjaga dengan chara yang berpatutan, atau bertingkah-laku sa-hingga membahayakan keselamatan atau rahsia, sa-suatu maklumat atau benda seperti tersebut di-atas,

maka orang itu ada-lah melakukan suatu kesalahan yang boleh di-hukum dengan penjara tidak lebih daripada tujuh tahun atau denda tidak lebih daripada sa-puluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua<sup>2</sup>-nya.

(2) Jika sa-saorang menerima sa-suatu perkataan kod, isharatimbang atau katajodoh rasmi yang rahsia, atau apa<sup>2</sup> benda, suratan atau maklumat dengan mengetahui atau ada alasan yang menasabah bagi memperchayai, pada waktu is menerima-nya itu, bahawa perkataan kod, isharatimbang, katajodoh, benda, suratan atau maklumat itu ada-lah di-sampaikan kepada-nya bersalahan dengan Akta ini, maka is ada-lah melakukan suatu kesalahan yang boleh di-hukum dengan penjara tidak lebih daripada tujuh tahun atau denda tidak lebih daripada sa-puluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua<sup>2</sup>-nya melainkan jika is membuktikan bahawa perkataan kod, isharatimbang, katajodoh, benda, suratan atau maklumat itu telah di-sampaikan kepada-nya dengan tidak di-kehendaki oleh-nya.

9. (1) Jika sa-saorang dapat masok atau membantu sa saorang lain supaya dapat masok ka-suatu tempat larangan melalui sa-suatu yang lain daripada tempat masok yang di-benarkan atau bagi maksud mendapat masok, atau bagi membantu sa-saorang lain supaya dapat masok, ka-sasuatu tempat larangan, atau bagi apa<sup>2</sup> maksud lain yang mudharat kepada keselamatan atau kepentingan Malaysia

- (a) menggunakan atau memakai, tanpa kuasa yang sah. apa<sup>2</sup> unifom tentera laut, tentera darat, tentera udara, polis atau apa<sup>2</sup> unifom rasmi yang lain atau apa<sup>2</sup> unifom yang hampir<sup>2</sup> sa-rupa dengan-nya hingga mungkin memperdayakan, atau dengan palsu-nya merupakan diri-nya sa-bagai sa-orang yang berhak atau telah herhak menggunakan atau memakai mana<sup>2</sup> unifom itu; atau
- (b) menggunakan apa<sup>2</sup> samaran atau nama palsu, atau dengan di-ketahui-nya menyembunyikan pengenalan atau hangsa-nya; atau

Menggunakan  
unifom tanpa  
kuasa, mein  
palsukan  
laporan.  
pemalsuan,  
penva-  
mardirian  
dan  
suratan<sup>2</sup>  
palm.

atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua<sup>2</sup>-nya.

(2) Jika, bagi apa<sup>2</sup> maksud yang mudarat kepada keselamatan atau kepentingan Malaysia, seseorang

- (a) menyimpan sa-suatu surat rasmi, sama ada atau tidak di-sempurna atau di-keluarkan untuk kegunaan, manakala is tidak berhak menyimpan-nya, atau manakala ada-lah berlawanan dengan kewajipannya bagi menyimpan-nya, atau tidak mematuhi apa<sup>2</sup> arahan yang di-keluarkan oleh sa-suatu pekismatan awam atau seseorang yang diberi kuasa oleh perkhidmatan awam itu berkenaan dengan pemulangan atau pelupusan surat itu; atau
- (b) membenarkan seseorang lain memiliki sa-suatu surat rasmi yang di-keluarkan untuk kegunaannya sa-orang sahaja, atau menyampaikan sa-suatu perkataan kod, isharatimbang atau kata jodoh rasmi yang rahsia yang di-keluarkan sa-demikian, atau, tanpa kuasa atau sebab yang sah, ada dalam miliknya sa-suatu surat rasmi atau perkataan kod, isharatimbang atau kata jodoh rasmi yang rahsia yang di-keluarkan bagi kegunaan seseorang yang lain daripada-nya sendiri; atau
- (c) apabila dapat memiliki sa-suatu surat rasmi sama ada dengan menjumpai-nya atau dengan cara lain, cuai atau tidak memulangkan-nya kepada orang atau pihak-berkuasa yang telah mengeluarkan-nya atau yang untuk kegunaan-nya ia-nya telah di-keluarkan, atau kepada Ketua Pegawai Polis; atau
- (d) tanpa kuasa atau sebab yang sah, membuat atau menjual, atau ada dalam miliknya untuk jualan, sa-suatu anak kunci, lencana, alat, acuan, meteri atau cap tersebut; atau
- (e) dengan niat hendak mendapatkan sa-suatu surat rasmi, perkataan kod, isharatimbang atau kata jodoh rasmi yang rahsia, sama ada bagi diri-nya sendiri atau bagi seseorang lain, dengan di-ketahui-nya membuat sa-suatu pernyataan palsu,

maka is ada-lah melakukan suatu kesalahan yang boleh di-hukum dengan penjara tidak lebih daripada tujuh tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua<sup>2</sup>-nya.

**Mengganggu pegawai polls atau anggota angkatan tentera.**

10. Jika sa-saorang yang berada dalarn atau berdekatan dengan sa-suatu tempat larangan, menghalang, mengelirukan atau dengan chara lain mengganggu atau merintanggi sa-saorang pegawai polls atau sa-saorang anggota angkatan tentera yang menjalankan tugas berhubung dengan tempat larangan itu, maka is ada-lah melakukan suatu kesalahan yang boleh di-hukum dengan penjara tidak lebeh daripada tujuh tahun atau denda tidak lebeh daripada sa-puluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua2-nya.

**Kewajipan memberi maklumat.**

11. (1) Jika sa-saorang ada di-bawah kuasa-nya apa2 maklumat berhubung dengan sa-suatu kesalahan atau kesalahan yang di-shaki di-bawah Akta ini dan ia-nya

- (a) tidak memberi, apabila di-minta, maklumat itu, atau
- (b) tidak hadir pada sa-suatu masa dan tempat yang menasabah untuk memberi maklumat itu,

apabila di-kehendaki berbuat demikian oleh

- (aa) sa-saorang pegawai polis yang berpangkat lebeh tinggi daripada Inspekter, atau
- (bb) sa-saorang anggota angkatan tentera yang bertugas menjalankan kewajipan pengawal, sentri, ronda atau lain kewajipan yang sa-umpama-nya,

maka is ada-lah melakukan suatu kesalahan yang boleh di-hukum dengan penjara tidak lebeh daripada tiga tahun atau denda tidak lebeh daripada lima ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua2-nya.

(2) Sa-belum menghendaki sa-saorang hadir pada sa-suatu tempat dan masa itu, pegawai polls atau anggota angkatan tentera itu hendak-lah memberi kapada-nya sajumlah wang yang berpatutan untuk perbelanjaan-nya.

**Kuala bagi menghendaki utusan di-kemukakan.**

12. (1) Jika Menteri dapati mustahak, is boleh dengan waran yang di-tandatangani-nya, menghendaki sa-saorang yang mempunyai atau mengawal sa-suatu talikom, yang di-gunakan untuk menghantar atau menerima utusan2 kasa-suatu tempat atau dari sa-suatu tempat luar Malaysia, mengemukakan kapada-nya atau kapada sa-saorang yang di-sebutkan nama-nya dalam waran itu, naskhah asal dan naskhah tulisan tangan bagi apa2 utusan atau utusan2 yang di-hantar daripada atau di-alamatkan kapada mana2 orang atau tempat tertentu, di-hantar atau di-terima dari sa-suatu tempat luar Malaysia dengan chara talikom itu dan segala kertas2 lain berhubung dengan utusan itu.

**Mengganggu pegawai polis atau anggota angkatan tentera.**

10. Jika seseorang yang berada dalam atau berdekatan dengan sa-suatu tempat larangan, menghalang, mengelirukan atau dengan cara lain mengganggu atau merintang seseorang pegawai polis atau seseorang anggota angkatan tentera yang menjalankan tugas berhubung dengan tempat larangan itu, maka is ada-lah melakukan suatu kesalahan yang boleh di-hukum dengan penjara tidak lebih daripada tujuh tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua2-nya.

**Kewajipan memberi maklumat.**

11. (1) Jika seseorang ada di-bawah kuasa-nya apa2 maklumat berhubung dengan sa-suatu kesalahan atau kesalahan yang disyaki di-bawah Akta ini dan ia-nya

- (a) tidak memberi, apabila di-minta, maklumat itu, atau
- (b) tidak hadir pada sa-suatu masa dan tempat yang munasabah untuk memberi maklumat itu,

apabila di-kehendaki berbuat demikian oleh

- (a) seseorang pegawai polis yang berpangkat lebih tinggi daripada Inspektor, atau
- (b) seseorang anggota angkatan tentera yang bertugas menjalankan kewajipan pengawal, sentri, ronda atau lain kewajipan yang sa-umpama-nya,

maka is ada-lah melakukan suatu kesalahan yang boleh di-hukum dengan penjara tidak lebih daripada tiga tahun atau denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua2-nya.

(2) Sa-belum menghendaki seseorang hadir pada sasatu tempat dan masa itu, pegawai polis atau anggota angkatan tentera itu hendak-lah memberi kepadanya sajumlah wang yang berpatutan untuk perbelanjaan-nya.

**Kuala bagi menghendaki utusan di-kemukakan.**

12. (1) Jika Menteri dapati mustahak, is boleh dengan waran yang di-tandatangani-nya, menghendaki seseorang yang mempunyai atau mengawal sa-suatu telekom, yang di-gunakan untuk menghantar atau menerima utusan2 kasa-suatu tempat atau dari sa-suatu tempat luar Malaysia, mengemukakan kepadanya atau kepada seseorang yang di-sebutkan nama-nya dalam waran itu, naskhah asal dan naskhah tulisan tangan bagi apa2 utusan atau utusan2 yang di-hantar daripada atau di-alamatkan kepada mana2 orang atau tempat tertentu, di-hantar atau di-terima dari sa-suatu tempat luar Malaysia dengan cara telekom itu dan segala kertas2 lain berhubung dengan utusan itu.



## RAHSIA RASMI

(2) Jika, apabila di-kehendaki mengemukakan naskhah asal atau naskhah tulisan tangan atau kertas itu, seseorang enggan atau cuai berbuat demikian atau mencatatkan atau membinasakan-nya, maka ia ada-lah melakukan suatu kesalahan yang boleh di-hukum dengan penjara tidak lebih daripada tiga tahun atau denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua<sup>2</sup>-nya.

(3) Dalam seksyen ini, perbahaasan "utusan" dan "tah-kom" ada-lah mempunyai erti sama seperti dalam undang<sup>2</sup> berhubung dengan telekom yang berkuat kuasa pada masa itu.

**13.** (1) Jika seseorang yang mengetahui, atau yang ada alasan<sup>2</sup> yang muhasabah bagi mensyaki, bahawa seseorang lain hampir hendak melakukan atau telah melakukan sesuatu kesalahan di-bawah Akta ini Melindung.

(a) melindungi orang lain itu; atau

(b) membenarkan orang lain itu bertemu atau berhimpun di-mana<sup>2</sup> premis yang didudukinya atau yang ada di-bawah kawalan-nya,

maka ia ada-lah melakukan suatu kesalahan yang boleh di-hukum dengan penjara tidak lebih daripada tujuh tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua<sup>2</sup>-nya.

(2) Jika seseorang

(a) yang telah melindungi atau telah membenarkan bertemu atau berhimpun seperti di-nyatakan dalam seksyen-kecil (1); dan

(b) yang ada maklumat di-bawah kuasa-nya berhubung dengan orang tersebut,

tidak menzahirkan, apabila di-minta, maklumat itu kepada seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, maka ia ada-lah melakukan suatu kesalahan yang boleh di-hukum dengan penjara tidak lebih daripada tujuh tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua<sup>2</sup>-nya.

(3) Dalam seksyen ini "melindung" termasuklah memberi kepada seseorang tempat berlindung, makanan, minuman, wang, pakaian, senjata, peluru, atau kenderaan, atau menolong seseorang dengan apa<sup>2</sup> jalan bagi melakukan sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini.

1R

14. Jika seseorang

**Percubaan,  
pengapian,  
dsb.**

- (a) mencuba melakukan sa-suatu kesalahan dibawah Akta ini; atau
- (b) mengajak<sup>2</sup> atau mengapikan atau berusaha memujuk atau bermuafakat dengan sa-orang lain supaya melakukan sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini; atau
- (c) membantu, atau mengubati atau melakukan apa<sup>2</sup> perbuatan sa-bagai persediaan untuk melakukankan sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini,

maka is boleh di-kenakan hukuman<sup>2</sup> yang sama, dan diambil tindakan dengan cara yang sama, sa-olah<sup>2</sup> is telah melakukan kesalahan itu.

15. (1) Sa-suatu pendakwaan atas sa-suatu kesalahan dibawah Akta ini tidak boleh di-mulakan kecuali oleh atau dengan persetujuan Pendakwa Raya.

**Sekatan  
atas pen-  
dakwaan.**

(2) Walau pun persetujuan Pendakwa Raya belum didapati, seseorang yang di-pertuduh atas sa-suatu kesalahan boleh di-tangkap, atau suatu waran bagi menangkap orang itu boleh di-keluar dan di-laksanakan. Orang itu boleh ditahan dalam jagaan atau dalam jaminan, tetapi kes itu tidak boleh di-dakwa sa-lanjut-nya sa-hingga persetujuan itu telah didapati.

(3) Apabila seseorang di-bawa ka-hadapan mahkamah sebelum Pendakwa Raya mempersetujui pendakwaan, pertuduhan itu hendak-lah di-huraikan kepadanya tetapi is tidak boleh di-minta memberi jawapan atas pertuduhan itu, dan undang<sup>2</sup> yang pada masa itu berkuat kuasa berhubung dengan acara jenayah hendak-lah di-ubahsuai dengan sa-wajar-nya.

16. Dalam sa-suatu pendakwaan atas sa-suatu kesalahan dibawah Akta ini, melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki makna yang lain

**Beban bagi  
membuku-  
kan dan  
anggapan.**

- (1) tidak-lah perlu ditunjukkan bahawa orang yang dituduh itu telah bersalah atas sa-suatu perbuatan tertentu yang mungkin menunjukkan sa-suatu maksud yang mudarat kepada keselamatan atau kepentingan Malaysia;
- (2) walau pun tiada apa<sup>2</sup> perbuatan sa-bagaimana dinyatakan dalam seksyen-kecil (1) di-buktikan terhadap-nya, orang yang dituduh itu boleh diterbitkan jika, dari hal keadaan kes itu, kelakuannya atau watak-nya yang diketahui sa-bagaimana

di-buktikan di-dapati bahawa maksud-nya ia-lah suatu maksud yang mudarat kepada keselamatan atau kepentingan Malaysia; dan

- (3) jika sa-suatu suratan, benda atau maklumat berhubung dengan atau di-gunakan di-sesuatu tempat larangan atau apa<sup>2</sup> jua di-tempat itu, atau apa<sup>2</sup> perkataan kod, isyarat, atau kata jodoh rasmi yang rahsia ada-lah di-buat, di-dapatkan, dikumpul, di-rekod, di-siarkan atau di-sampaikan oleh seseorang yang lain daripada sa-orang yang bertindak di-bawah kuasa yang sah, maka ia-nya hendak-lah di-anggap sa-hingga di-buktikan sabaliknya, sa-bagai telah di-buat, di-dapatkan, di-kumpul, di-rekod, di-siarkan atau di-sampaikan bagi suatu maksud yang mudarat kepada keselamatan atau kepentingan Malaysia.

17. (1) Dalam sa-suatu pendakwaan atas sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini, nyatakan bahawa seseorang telah berhubung dengan, atau mencuba berhubung dengan, seseorang ejen asing, sama ada dalam atau luar Malaysia, hendak-lah menjadi keterangan bahawa seseorang itu telah, bagi suatu maksud yang mudarat kepada keselamatan atau kepentingan Malaysia, mendapatkan atau cuba untuk mendapatkan atau untuk menyampaikan maklumat yang mungkin atau boleh jadi di-kira atau di-kira menjadi atau di-maksudkan menjadi berguna secara langsung atau secara tak langsung kepada kuasa asing atau kepada seseorang musuh.

**Perhubungan dengan ejen asing hendak-lah menjadi keterangan mengenai berlaku-nya kesalahan tertentu.**

(2) Bagi maksud seksyen ini, tetapi tanpa menyentuh keluasan makna peruntukan yang tersebut di-atas

- (a) seseorang hendak-lah, melainkan jika is mem-buktikan sebaliknya, di-anggap sa-bagai telah berhubung dengan sa-orang ejen asing jika
- (i) is telah, sama ada dalam atau luar Malaysia, melawat alamat sa-orang ejen asing atau berkawan atau bersekutu dengan sa-orang ejen asing; atau
- (ii) sama ada, dalam atau luar Malaysia, nama atau alamat, atau apa<sup>2</sup> maklumat lain berkenaan dengan seseorang ejen telah di-jumpai dalam milik atau kawalan-nya atau telah di-beri oleh-nya kepada seseorang lain, atau telah di-dapatkan oleh-nya daripada seseorang lain;

## RAHSIA RASMI

pegawai itu untuk memasuki tempat itu, dengan kekerasan jika perlu, dan di-situ mencari, mengambil dan menahan sa-suatu keterangan itu.

(2) Apabila di-dapati oleh sasarkan pegawai polis yang berpangkat tidak rendah dari Inspektor bahawa sebab2 yang munasabah ada bagi mempercayai bahawa di-sesuatu tempat ada di-semunyi atau di-simpan sa-suatu keterangan mengenai berlaku-nya sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini, atau mengenai berlaku-nya sa-suatu kesalahan yang di-tetapkan, dan pegawai polis itu ada alasan2 yang munasabah bagi mempercayai bahawa oleh kerana kelewatan bagi mendapatkan waran geledah tujuan penggeledahan itu mungkin kecewa, is boleh menjalankan di-tempat itu dan berkenaan dengan tempat itu segala kuasa yang di-sebut dalam seksyen-kecil (1) dengan langkah yang sapenuh dan secukup sa-olah2 is di-beri kuasa berbuat demikian dengan waran yang di-keluarkan dibawah seksyen-kecil itu.

20. (1) Walau apa pun yang terkandung dalam mana2 undang2 yang lain, Pendakwa Raya, jika berpuas hati bahawa alasan2 yang munasabah ada bagi mensyaki bahawa sa-suatu kesalahan di-bawab Akta ini telah atau hampir hendak di-lakukan oleh seseorang, boleh dengan perintah memberi kuasa kepada seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah dari Penolong Penguasa yang tersebut nama-nya dalam perintah itu membuat suatu penyiasatan mengenai perkara itu mengikut apa2 cara atau kaedah yang dinyatakan dalam perintah itu. Perintah tersebut boleh membenarkan di-siasat sa-suatu akaun bank atau sa-suatu akaun lain atau sa-suatu benda atau sa-suatu surat yang mungkin ada pada seseorang atau di-sasuatu tempat dan hendak-lah menjadi kuasa yang cukup untuk seseorang menzahirkan atau mengemukakan segala atau sa-suatu maklumat atau akaun atau benda atau surat yang di-kehendaki oleh pegawai yang diberi kuasa sa-demikian.

**Kuasa2  
khas  
mengenai  
penyiasatan.**

(2) Seseorang yang tidak atau enggan menzahirkan maklumat tersebut atau tidak atau enggan mengemukakan akaun atau benda atau surat tersebut kepada orang yang di-berikuasa sa-demikian ada-lah melakukan suatu kesalahan yang boleh di-hukum dengan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara sa-lama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau denda dan penjara itu kedua2-nya.

(3) Sesuatu pemberian-kuasa kepada seseorang pegawai polis di-bawah seksyen-kecil (1) untuk menyiasat sa-suatu akaun bank hendak-lah di-sifatkan sa-bagai termasuk sesuatu pemberian-kuasa untuk memeriksa sa-suatu buku bank yang di-fikirkan berkaitan oleh pegawai polis yang di-beri kuasa sa-demikian, dan pegawai polis itu boleh, pada sa-tiap masa yang munasabah, memasuki bank yang di-nyatakan dalam perintah itu dan memeriksa mana<sup>2</sup> buku yang di-simpan di-dalam-nya dan boleh mengambil salinan<sup>2</sup> bagi mana<sup>2</sup> catatan yang berkaitan dalam mana<sup>2</sup> buku itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini "bank" termasuklah

- (a) mana<sup>2</sup> bank yang berlesen di-bawah Ordinan Bank, 1958;
- (b) mana<sup>2</sup> syarikat kerjasama yang berdaftar di-bawah mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> bertulis berhubung dengan syarikat kerjasama;
- (c) Bank Simpanan Pejabat Pos dan, mengenai Sabah dan Sarawak, ia-nya termasuklah mana<sup>2</sup> Bank Simpanan (dengan apa<sup>2</sup> jua nama di-sebut) yang ditubuhkan di-bawah mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> bertulis yang berkuat kuasa di-Sabah atau Sarawak, mengikut mana yang berkenaan; dan
- (d) mana<sup>2</sup> syarikat meminjam yang berdaftar di-bawah Akta Syarikat Meminjam, 1969.

"buku bank" termasuklah lejar, buku harian, buku wang tunai, buku akaun dan semua buku dan surat-an lain yang di-gunakan dalam kelaziman urusan bank.

21. (1) Jika seseorang di-pertuduh atas sa-suatu kesalahan terhadap Akta ini apa<sup>2</sup> pernyataan, sama ada pernyataan itu terjumlah kepada suatu pengakuan-salah atau tidak atau sama ada lisan atau bertulis, yang di-buat pada bila<sup>2</sup> masa, sama ada sa-belum atau sa-lepas orang itu dipertuduh dan sama ada dalam masa polis menjalankan penyiasatan atau tidak dan sama ada atau tidak kesemuanya atau sa-bahagian-nya sa-bagai jawapan kepada soalan<sup>2</sup>, oleh orang itu kepada atau dalam pendengaran seseorang pegawai polis yang berpangkat Inspektor atau lebih tinggi dan sama ada atau tidak di-terjemahkan kepadanya oleh seseorang pegawai polis yang lain atau oleh seseorang lain sama ada berkenaan atau tidak dalam penangkapan itu, hendak-lah di-terima sa-bagai keterangan dalam pembicaraannya walau apa pun yang berlawanan yang terkandung dalam mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> bertulis dan, jika orang

**Menerima  
pernyataan<sup>2</sup>  
sa-bagai  
keterangan.**

itu menawarkan diri-nya sa-bagai sa-orang saksi, sa-suatu pernyataan tersebut boleh di-gunakan dalam pemeriksaanbalas dan bagi maksud mencabar kebenaran-nya.

(2) Tiada sa-suatu pernyataan itu boleh di-terima sabagai keterangan atau di-gunakan

(a) jika mahkamah berpendapat bahawa pembuatan pernyataan itu telah di-sebabkan oleh sa-suatu dorongan, ancaman atau janji berhubung dengan pertubuhan terhadap orang itu, yang datang daripada seseorang yang berkuasa dan yang cukup pada pendapat mahkamah, untuk memberi orang itu alasan<sup>2</sup> yang pada pendapat-nya munasabah bagi menyangka bahawa dengan membuat pernyataan itu ia-nya akan memperolehi sa-suatu faedah atau mengelakkan sa-suatu bahaya keduniaan berhubung dengan pembicaraan terhadapnya itu; atau

(b) mengenal sa-suatu pernyataan yang di-buat oleh orang itu sa-lepas penangkapan-nya, melainkan jika mahkamah berpuas hati bahawa suatu amaran telah diberi kepadanya dengan perkataan<sup>2</sup> yang berikut atau dengan perkataan<sup>2</sup> yang bermaksud sa-umpama-nya

*"Ada-lah menjadi kewajipan saya memberi amaran kepada kamu bahawa kantu tidak di-wajibkan menyatakan apa<sup>2</sup> jua atau menjawab apa<sup>2</sup> soalan, tetapi apa<sup>2</sup> jua yang kamu nyatakan, sama ada bagi menjawab sa-suatu soalan atau tidak, boleh di-beri sa-bagai keterangan."*

(3) Sa-suatu pernyataan yang di-buat oleh seseorang sa-belum amaran itu sempat di-beri kepadanya tidak menjadi sa-suatu yang tidak boleh di-terima sa-bagai keterangan sa-mata<sup>2</sup> oleh sebab amaran itu tidak di-beri dengan syarat amaran itu telah di-beri dengan sa-berapa segera yang boleh.

(4) Walau apa pun yang berlawanan yang terkandung dalam mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> bertulis, sasarkan yang dituduh atas suatu kesalahan yang bagi-nya di-pakai seksyen kecil (1) tidak-lah terikat menjawab apa<sup>2</sup> soalan berhubung dengan kes itu sa-lepas amaran itu di-beri kepadanya.

(5) Seksyen ini hendaklah di-pakai berhubung dengan seseorang yang dibicarakan sa-lepas mula berkuat kuasanya Akta ini, sama ada atau tidak perbicaraan terhadap orang itu telah di-mulakan dan sama ada atau tidak pernyataan yang berkaitan itu telah di-buat sa-belum mula berkuat kuasanya Akta ini.

**Keterangan  
rakan sa-  
jenayah.**

22. Walau apa pun hukum undang<sup>2</sup> atau undang<sup>2</sup> bertulis yang berlawanan, tiada seseorang saksi boleh, dalam sa-suatu pembicaraan atau penyiasatan oleh sa-suatu mahkamah mengenal sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini, di-anggap sa-bagai tidak boleh dipercayai kebenarannya sa-mata<sup>2</sup> oleh sebab ia-nya ada-lah sa-orang rakan sajenayah berhubung dengan kesalahan itu.

**Pemerek-  
saan  
pesalah<sup>2</sup>.**

23. (1) Apabila dua orang atau lebih di-pertudoh atas sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini, mahkamah boleh menghendaki sa-orang atau lebih daripada mereka memberi keterangan sa-bagai sa-orang saksi atau saksi<sup>2</sup> untuk pihak pendakwa.

(2) Seseorang yang tersebut dalam seksyen-kecil (1) yang enggan mengangkat sumpah atau menjawab apa<sup>2</sup> soalan yang sah hendaklah di-ambil tindakan terhadapnya dengan cara sama seperi saksi<sup>2</sup> yang enggan sa-demikian boleh di-ambil tindakan undang<sup>2</sup> terhadap-nya oleh mahkamah.

(3) Tiap<sup>2</sup> orang yang di-kehendaki memberi keterangan di-bawah seksyen kecil (1) dan yang pada pendapat mahkamah memberi penzahiran yang benar dan penuh mengenai semua perkara yang mengenai-nya is diperiksa dengan sah, ada-lah berhak menerima suatu perakuan perlindungan mahkamah, yang di-meter oleh mahkamah, menyatakan bahawa is telah memberi suatu penzahiran yang benar dan penuh mengenal semua perkara yang mengenai-nya is telah diperiksa, dan perakuan itu hendaklah menjadi suatu penghalang terhadap segala tindakan undang<sup>2</sup> terhadap-nya mengenal semua perkara itu.

**Perling-  
ngan bagi  
pemberi-  
maklumat**

24. (1) Kecuali sa-bagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini, tiada sa-suatu pengaduan mengenal sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini boleh di-terima sa-bagai keterangan dalam mana<sup>2</sup> jua perbicaraan sivil atau jenayah, dan tiada seseorang saksi boleh di-wajib atau di-benarkan menzahirkan nama atau alamat seseorang pemberi maklumat, atau menyatakan apa<sup>2</sup> perkara yang mungkin menyebabkan ia-nya diketahui.

(2) Jika sa-suatu suratan yang di-kemukakan sa-bagai keterangan atau yang boleh di-kenakan pemeriksaan dalam apa2 jua pembicaraan sivil atau jenayah ada-lah mengandungi sa-suatu catatan dalam mana seseorang pemberimaklumat di-sebutkan nama-nya atau di-perihalkan atau yang mungkin menyebabkan ia-nya di-ketahui maka, mahkamah di-mana perbicaraan itu di-adakan hendaklah mengarahkan supaya chatitan2 itu di-sembojikan dari pandangan atau di-hapuskan sa-takat mana yang perlu untuk memperindungi pemberi maklumat itu daripada diketahui, tetapi tidak lebih daripada itu.

(3) Jika dalam sa-suatu pembicaraan berhubung dengan sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini atau sa-suatu kesalahan yang di-tetapkan mahkamah berpendapat, selepas penyiasatan penuh berkenaan dengan kes itu, bahawa pemberi maklumat itu telah bersengaja membuat dalam pengaduannya suatu pernyataan matan yang is ketahui atau percayai sa-bagai palsu atau yang is tidak percaya sa-bagai benar, atau berpendapat bahawa keadilan tidak dapat di-laksanakan sepenuhnya di-antara pihak2 dalam pembicaraan itu tanpa mengetahui pemberi maklumat itu, mahkamah boleh menghendaki supaya pengaduan yang asal, jika bertulis, di-kemukakan, dan membenarkan penyiasatan dan boleh menghendaki penzahiran yang penuh mengenal pemberi maklumat itu.

25. (1) Peruntokan2 Akta ini, berhubung dengan warga-negara2, pemastautin2 tetap Malaysia dan orang (sama ada warganegara2 atau tidak) yang memegang atau telah pada bila2 masa memegang jawatan dalam sa-suatu perkhidmatan awam hendak-lah berkuat kuasa luar dan juga dalam Malaysia; dan apabila sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini di-lakukan di-mana2 tempat luar Malaysia oleh seseorang warganegara, pemastautin atau oleh seseorang (sama ada warganegara atau tidak) yang memegang atau telah pada bila2 masa memegang jawatan dalam sa-suatu perkhidmatan awam, maka boleh-lah di-ambil tindakan terhadap-nya mengenal kesalahan itu sa-olah2 kesalahan itu telah di-lakukan di-sesuatu tempat dalam Malaysia di-mana is boleh di-jumpai.

(2) Apa2 pembicaraan terhadap seseorang di-bawah seksyen ini yang akan menjadi penghalang terhadap pembicaraan yang kemudian terhadap orang itu bagi kesalahan itu juga jika kesalahan itu telah di-lakukan



di-Malaysia hendaklah menjadi suatu penghalang terhadap pembicaraan sa-lanjut-nya terhadap orang itu di-bawah mana2 undang2 bertulis yang berkuat kuasa diMalaysia berhubung dengan ekstradisi atau penyerahan penjenayah2 fugitif.

Pembicaraan  
kesalahan2.

26. Bagi maksud pembicaraan mengenal seseorang atas sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini, kesalahan itu hendaklah di-sifatkan sa-bagai telah di-lakukan sama ada di-tempat di-mana kesalahan itu sa-benar-nya telah dilakukan, atau di-sasuatu tempat di-Malaysia di-mana pesalah itu boleh dijumpa.

Orang-orang

tidak di  
Benarkan  
hadir dalam,  
masa perbi-  
caraan.

27. Sa-bagai tambahan kepada dan tanpa menyentuh apa2 kuasa yang mungkin ada pada mahkamah untuk memerintahkan supaya orang ramai tidak di-benarkan hadir dalam sa-suatu pembicaraan, jika, dalam masa pembicaraan di-hadapan mahkamah terhadap seseorang atas sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini atau dalam masa pembicaraan atas rayuan, atau dalam masa pembicaraan mengenai seseorang atas sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini, permohonan di-buat oleh pihak pendakwa, atas alasan bahawa penyiaran apa2 keterangan yang akan di-beri atau penyiaran apa2 kenyataan yang akan di-buat dalam masa pembicaraan itu akan menjadi mudarat kepada keselamatan Malaysia, supaya kesemua atau mana2 bahagian daripada orang ramai tidak di-benarkan hadir dalam mana2 bahagian pembicaraan itu, mahkamah boleh membuat suatu perintah bagi maksud itu, tetapi walau bagaimanapun penjatuhan hukuman hendaklah di-lakukan di-hadapan khalayak ramai.

tanggung  
dari segi  
jenayah  
mengenal  
perbadanan  
atau firma.

28. Jika orang yang bersalah atas sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini ada-lah suatu syarikat atau perbadanan atau sa-orang anggota atau penjawat bagi sa-suatu perkongsian atau firma, tiap2 pengarah dan pegawai bagi syarikat atau perbadanan atau tiap2 anggota bagi perkongsian atau firma (mengikut mana yang berkenaan) ada-lah bersalah atas kesalahan itu juga melainkan jika is membuktikan bahawa perbuatan atau ketinggalan yang menjadi kesalahan itu telah berlaku tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiakannya dan bahawa is telah menjalankan apa2 jua usaha untuk mencegah berlaku-nya kesalahan itu sa-bagaimana yang sa-patut di-jalankan olehnya dengan memandang kepada jenis tugas2-nya dan kepada segala hal keadaan lain.

29. Menteri boleh memberi kepada seseorang yang di-fikirkan-nya patut dan sesuai, kuasa sa-orang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor bagi maksud Akta ini.

Menteri boleh memberi kuasa2 polis kepada orang2 yang sesuai.

30. Tiada apa2 jua dalam Akta ini boleh di-sifatkan sa-bagai menghadkan atau menyekat apa2 kuasa yang di-beri oleh Kanun Acara Jenayah yang berkenaan.

Kuasa2 di-bawah Kanun Acara Jenayah tidak di-sekat.  
N.M.B.  
Bab 6.  
N.S. Bob 21.  
Sabah Ord. 4159.  
Sarawak Bab 58.

31. (1) Ordinan Rahsia Rasmi, 1950 Negeri2 Tanah Melayu dan Ordinan Rahsia Rasmi Sabah ada-lah dengan ini dimasukkan.

Peman-sakan.  
P.T.M.  
15150.  
Sabah Bab 90.  
1 dan 2 Geo.  
5. B. 28. 10  
dan 11 Geo.  
5. B. 75.

(2) Akta Rahsia Rasmi, 1911 dan Akta Rahsia Rasmi, 1920 kedua2-nya bagi United Kingdom, sa-takat mana Akta2 itu berkuat kuasa di-Sarawak atau di-mana2 bahagian Malaysia yang lain, dengan atau tanpa ubahsuaian, ada-lah dengan ini dimasukkan.